

KES-KES TERTANGGUH DI MAHKAMAH SYARIAH  
NEGERI PERLIS DARI TAHUN 1994 – 1997 :  
PUNCA DAN PENYELESAIAN

AMINUDIN BIN MOHAMAD  
No. Matrik G9711719

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN INI ADALAH  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN  
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
FAKULTI UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
1998

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Allah swt kerana dengan taufiq dan hidayahNya, penulis diberikan keupayaan untuk menyiapkan Kertas Projek ini dalam jangkamasa yang ditetapkan walau pun dalam serba serbi kekurangan dan kelemahan. Kertas Projek ini merupakan syarat untuk mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ).

Dalam usaha menyiapkan kertas projek ini, penulis ingin merakamkan setulus penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dr. Mohd. Deen bin Mohd. Napiah, Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang Keluarga, Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA) selaku Penyelia kepada penulis yang telah memberikan bimbingan dan tunjukajar sehingga kertas projek ini berjaya disiapkan. Begitu juga kepada semua Pensyarah DAIJ sessi 1997/98, penulis ucapkan ribuan terima kasih diatas curahan ilmu yang diberikan sepanjang tempoh pengajian di UIA.

Penulis juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), Mahkamah Syariah Negeri Perlis dan individu-individu yang sudi ditemubual kerana memberikan bantuan samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program pengajian penulis dan juga kertas projek ini.

Fanda penghargaan ini ditujukan juga buat isteri penulis Balkis binti Ahmad yang telah berkorban menguruskan hal ehwal keluarga semasa ketiadaan penulis, anak-anak yang disayangi Afnan, Syifa', Aiman, Abrar dan Aflah yang selalu ditinggalkan kerana mengikuti pengajian DAIJ ini. Begitu juga buat ibu penulis serta keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis.

Tidak lupa juga penulis merakamkan penghargaan ini buat rakan-rakan serumah sewa penulis Sheikh Nik Ali, Mohd. Abdul Karim, Shahrunnazri dan Mohd. Jamil. Kenangan manis semasa bersama kalian sukar dilupakan.

Akhir sekali penulis berharap kertas projek yang tidak seberapa ini akan dapat juga memberikan sedikit sebanyak sumbangan dalam usaha meningkatkan imej dan status Mahkamah Syariah Negeri Perlis sebagai institusi kehakiman Islam yang dipertanggungjawab untuk menegakkan keadilan. Semoga sumbangan kecil ini termasuk juga sebagai amal kebajikan dan ibadat di sisi Allah swt. Insyallah. Amin.

Sekian.

**AMINUDIN BIN MOHAMAD**

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis,  
Kompleks Islam Perlis,  
01000 Kangar,  
PERLIS.

Tarikh : 04 September 1998


## **SINOPSIS**

Masalah kes yang tertangguh di Mahkamah Syariah merupakan masalah yang sepatutnya diambil perhatian yang serius oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sebenarnya terdapat beberapa sebab dan punca yang membawa kepada berlakunya keadaan tersebut. Kajian yang dibuat ini adalah untuk mengenalpasti sebab dan punca yang membawa kepada penangguhan sesuatu kes itu. Seterusnya memberikan cadangan untuk mengatasi masalah tersebut. Kajian ini dibahagikan kepada 5 bahagian atau bab yang utama. Bab pertama perbincangan dimulakan dengan latarbelakang penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Perlis, tempat kajian dibuat. Manakala bab kedua pula dibincangkan secara ringkas prosedur perbicaraan di Mahkamah Syariah. Pada bab ketiga dibincangkan mengenai kes-kes yang didaftar dan dibicarakan di Mahkamah Syariah dari tahun 1994 hingga 1997. Kemudian diikuti bab keempat yang membincangkan kes-kes tertangguh di Mahkamah Syariah dari tahun 1994 hingga 1997 dengan sebab-sebab berlaku penangguhan dan kesan daripada penangguhan kes. Seterusnya pada bab kelima dikemukakan cadangan untuk mengatasi kes-kes tertangguh dari segi jangka pendek dan jangka panjang. Dalam bab keenam merupakan kesimpulan kajian dan penutup.

## PENGAKUAN

Saya akui projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan lain yang telah disebutkan. Sumber-sumber lain telah dijelaskan melalui nota kaki yang diberikan secara jelas rujukannya dan bahan-bahan rujukan yang telah dilampirkan.

AMINUDIN BIN MOHAMAD



Tarikh : 04 September 1998  
13 Jamadilawal 1419

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
PENGAKUAN	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI STATUT	ix
<b>BAB 1 : PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERLIS</b>	
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Mahkamah Syariah Negeri Perlis	2
1.3. Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Perlis	4
1.3.1 Jentera Pentadbiran Mahkamah Syariah	4
1.3.2 Objektif dan Fungsi Mahkamah Syariah	4
1.4. Peringkat-Peringkat Mahkamah Syariah dan Bidangkuasa	5
1.4.1 Bidangkuasa Mahkamah Kadi	6
1.4.2 Bidangkuasa Mahkamah Kadi Besar	7
1.4.3 Bidangkuasa Jawatankuasa Ulang Bicara	8
1.5. Perkembangan Undang-Undang Yang Digunakan Di Mahkamah Syariah Negeri Perlis	10
1.6. Kesimpulan	12

## **BAB 2 : PROSEDUR PERBICARAAN DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERLIS**

2.1.	Pendahuluan	13
2.2.	Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah	13
2.2.1	Prosedur Membawa Kes Ke Mahkamah	13
2.2.2	Prosedur Dalam Perbicaraan	14
	(a) Pertuduhan	14
	(i) Kes Mengaku Salah	15
	(ii) Kes Tidak Mengaku Salah	16
	(b) Keputusan	18
	(c) Rekod Perbicaraan	18
2.2.3	Prosedur Rayuan Kes Jenayah	19
	(a) Prosedur Untuk Rayuan	19
	(b) Penghantaran Rekod Rayuan	20
	(c) Menetapkan Tarikh Perbicaraan Rayuan	21
	(d) Prosedur Semasa Perbicaraan	21
	(e) Keputusan Rayuan	22
2.3.	Prosedur Perbicaraan Kes Mal	24
2.3.1	Prosedur Dalam Perbicaraan	24
	(a) Pernyataan Tuntutan	24
	(b) Saman	24
	(c) Pembelaan	25
	(d) Tuntutan Balas dan Tawaran	26
	(e) Bayaran Kepada Mahkamah	27
	(f) Tarik Balik Tuntutan dan <i>Sulh</i>	28
	(g) Perbicaraan	30
	(h) Penghakiman dan Perintah	32
2.3.2	Prosedur Rayuan Kes Mal	32
	(a) Notis Rayuan	32
	(b) Petisyen Rayuan	34
	(c) Rekod Rayuan	34
	(d) Penghakiman	35
2.4.	Kesimpulan	35

**BAB 3 : KES-KES YANG DIBICARAKAN  
DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERLIS**

3.1.	Pendahuluan	36
3.2.	Statistik Kes-kes Yang DiDaftarkan Di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Bagi Tahun 1994 – 1997	36
3.3.	Statistik Kes-kes Mal dan Kes-kes Jenayah Yang Dibicarakan Di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Bagi Tahun 1994 – 1997	38
3.3.1	Kes-Kes Mal	38
3.3.2	Kes-Kes Jenayah	40
3.4.	Kesimpulan	42

**BAB 4 : KES-KES TERTANGGUH  
DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PERLIS**

4.1.	Statistik Kes-Kes Yang Tertangguh Bagi Tahun 1994 – 1997	43
4.2.	Jenis-Jenis Kes Mal dan Jenayah Yang DiTangguhkan Pada Tahun 1994 – 1997	47
4.3.	Contoh-Contoh Kes Tertangguh	52
4.3.1	Kes Jenayah	52
4.3.2	Kes Mal	54
4.4.	Punca Penangguhan Kes	58
4.4.1	Peringkat Pra Bicara	59
(a)	Saman Tidak Dapat DiSempurnakan	60
(b)	Saman Luar Negeri	61
(c)	Sengaja Tidak Mematuhi Saman	62
(d)	Kelambatan Proses Penghantaran Saman	63
4.4.2	Peringkat Perbicaraan	64
(a)	Kekurangan Hakim Bicara	64
(b)	Masalah Peguam	66
4.4.3	Masalah-Masalah Pihak-Pihak Yang Terlibat	70
(a)	Pihak Terlibat Tidak Hadir	70
(b)	Tidak Membawa Saksi	71
(c)	Pihak Terlibat Minta Tangguh	71

4.4.4 Tidak Ada Penyelesaian Melalui Perundingan	74
4.4.5 Permohonan Penangguhan Kes	76
4.4.6 Kuasa Penangguhan Kes Di Dalam Enakmen	77
4.4.7 Jawatankuasa Ulang Bicara Tidak Bersidang	78
4.5. Penangguhan Kes Meninggal Kesan	79
4.5.1 Tidak Memberikan Keadilan	79
4.5.2 Kepentingan Pihak-Pihak Terjejas	80
4.5.3 Kes Yang Sepatutnya Dapat Diselesaikan Awal Tidak Dapat Diselesaikan	82
4.5.4 Perbelanjaan Bertambah	82
4.5.5 Kes Bertambah Payah Untuk Diselesaikan dan Semakin Bertambah	83
4.5.6 Imej Mahkamah Syariah Terjejas	83
4.6. Kesimpulan	84

## **BAB 5 : CADANGAN MENGATASI MASALAH KES-KES TERTANGGUH**

5.1. Pendahuluan	85
5.2. Menambahkan Hakim dan Kakitangan Mahkamah	85
5.3. Menambahkan Dewan Perbicaraan	88
5.4. Mengatasi Masalah Kegagalan Untuk Menyempurnakan Saman	89
5.5. Mengatasi Masalah Enggan Menerima Saman dan Sengaja Tidak Mematuhi Saman	91
5.6. Mengatasi Masalah Lewat Menghantar Saman	94
5.7. Mengatasi Masalah Tidak Hadir Ke Mahkamah	95
5.8. Mengatasi Masalah Kes Yang DiWakili Oleh Peguam	97
5.9. Perancangan Masa dan Tarikh Yang Teratur	98
5.10. Mendedahkan Mengenai Prosedur Mahkamah Kepada Orangramai	99
5.11. Menjalankan Kajian Yang Menyeluruh Dan Terperinci Sebab-Sebab Berlakunya Kes-Kes Tertangguh	100
5.12. Penyelarasan Undang-Undang dan Pentadbiran Mahkamah Syariah Di Peringkat Persekutuan	101

**BAB 6 : KESIMPULAN DAN PENUTUP**

Kesimpulan dan Penutup

103

**BIBLIOGRAFI**

106

## **SENARAI STATUT**

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1963

Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam Perlis 1991

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Perlis 1991

Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991

Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak Perlis 1991

Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah Perlis 1991

**BAB  
PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH DAN PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG

#### 1.1 Pendahuluan

Kewujudan institusi kehakiman di dalam sesebuah negara adalah amat penting untuk menegakkan keadilan. Islam menghendaki supaya keadilan ditegakkan dan kezaliman dihapuskan. Dalam hubungan ini terdapat beberapa ayat al Quran yang menegaskan supaya keadilan ditegakkan. Antaranya ialah firman Allah :

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْسَاكَ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ إِن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ﴾<sup>1</sup>

“ Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia. (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil”.<sup>2</sup>

Untuk menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman, maka institusi kehakiman perlu diwujudkan. Berlandaskan kepada keperluan inilah Mahkamah-Mahkamah Syariah ditubuhkan untuk memainkan peranan tersebut.

<sup>1</sup> Al Qur'an, an Nisa' : 58

<sup>2</sup> Al Qur'an al Karim, *Tafsir Pimpinan Al Rahman Kepada Pengertian Al Quran*, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, cetakan keenam 1995, al Nisa : 58, hal 200

## **1.2 Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Mahkamah Syariah Negeri Perlis**

Penubuhan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri adalah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada negeri untuk mentadbir Undang-Undang Islam yang digolongkan sebagai undang-undang diri (personal law) berdasarkan kehendak Di bawah Jadual Kesembilan Senarai 2 Butiran 1. Penubuhannya juga berdasarkan peruntukan dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri masing-masing.

Mahkamah Syariah Negeri Perlis telah ditubuhkan sejak sebelum merdeka lagi iaitu dalam tahun 1340 hijrah bersamaan dengan 1921 masehi. Penubuhannya adalah berdasarkan kepada Undang-Undang Mahkamah Syariah Tahun 1340H (Undang-Undang Perlis No. 15 Tahun 1340H).<sup>3</sup> Penubuhannya di bawah undang-undang ini terus terpakai sehingga digantikan dengan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963 (Undang-Undang No. 3 Tahun 1964) di bawah seksyen 11.

Di awal penubuhannya Mahkamah Syariah Negeri Perlis telah diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Kemudiannya apabila ditubuhkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) pada tahun 1988, maka pentadbiran Mahkamah Syariah telah diletakkan pula di bawah JAIPs.

Bagi meningkatkan lagi taraf Mahkamah Syariah supaya selari dengan pindaan Perlembagaan Perkara 121, Kerajaan Negeri Perlis telah menggubal dan mewartakan

undang-undang yang baru pada 03 Disember 1991 bagi menggantikan beberapa bahagian di dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1963. Undang-undang yang baru ini dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991. Dengan penggubalan enakmen baru ini, maka Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 11 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1963 telah dimansuhkan dan digantikan penubuhannya di bawah seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991. Melalui enakmen baru inilah telah ditubuhkan Mahkamah-Mahkamah berikut :<sup>4</sup>

- (a) Mahkamah Kadi
- (b) Mahkamah Kadi Besar
- (c) Jawatankuasa Ulang Bicara

Pada 01 Januari 1995, Kerajaan Negeri Perlis telah meluluskan suatu penyusunan semula kedudukan Mahkamah Syariah. Penyusunan ini dibuat adalah untuk mengasingkan pentadbiran Mahkamah Syariah daripada pentadbiran JAIPs. Dengan pengasingan pentadbiran ini, maka Mahkamah Syariah mempunyai pentadbirannya yang tersendiri.

---

<sup>3</sup> Temubual dengan Hj. Ismail bin Abd. Rahman, Penolong Kadi Mahkamah Syariah Perlis pada 16 Jun 1998.

<sup>4</sup> Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Perlis 1991, Sek. 7 (1).

## **1.3 Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Perlis**

### **1.3.1 Jentera Pentadbiran Mahkamah Syariah**

Pada masa ini pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Perlis diketuai oleh Kadi Besar dan dibantu oleh seorang Penolong Kadi. Terdapat seramai 6 orang kakitangan yang menggerakkan jentera pentadbiran Mahkamah Syariah. Mereka terdiri dari seorang Pembantu Hal Ehwal Islam, dua orang Pembantu Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Rendah, seorang Penghantar Notis dan seorang Pembantu Am Rendah.<sup>5</sup>

### **1.3.2 Objektif dan Fungsi Mahkamah Syariah**

Objektif dan fungsi Mahkamah Syariah Negeri Perlis ialah :<sup>6</sup>

- (a) Memastikan Undang-Undang Islam dapat dilaksanakan mengikut undang-undang yang sedia ada secara adil, cekap serta berkesan berlandaskan Hukum Syarak yang berpandukan Al Qur'an dan Al Sunnah.
- (b) Berusaha mendisiplinkan orang-orang awam supaya mematuhi undang-undang serta mematuhi semua aturcara atau prosiding Mahkamah Syariah dalam penguatkuasaan kes-kes mal dan kes-jenayah.

---

<sup>5</sup> Temubual dengan Encik Abd. Rahim Mokhtar, Pembantu Tadbir (Am) Mahkamah Syariah Negeri Perlis pada 16 Jun 1998.

<sup>6</sup> Sumber Mahkamah Syariah Negeri Perlis.

- (c) Menyimpan serta mengemaskini semua rekod perbicaraan termasuk rekod perkahwinan, perceraian dan rujuk orang-orang Islam di Negeri Perlis.
  - (d) Berusaha menyelesaikan segala perselisihan berbangkit antara orang-orang Islam serta menguatkuaskan hukuman sepetimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen/Undang-Undang.
- 
- (e) Mempertingkatkan hasil perolehan kerajaan melalui kes-kes Mahkamah serta bayaran-bayaran yang ditetapkan oleh undang-undang perbekalan.

#### **1.4 Peringkat-Peringkat Mahkamah Syariah dan Bidangkuasa**

Mahkamah Syariah Negeri Perlis sepetimana juga Mahkamah-Mahkamah Syariah di negeri-negeri lain mempunyai tiga peringkat Mahkamah. Tiga peringkat mahkamah tersebut ialah :

- (a) Mahkamah Kadi
- (b) Mahkamah Kadi Besar
- (c) Jawatankuasa Ulang Bicara<sup>7</sup>

---

<sup>7</sup> Istilah "Jawatankuasa Ulang Bicara", "Mahkamah Kadi Besar" dan "Mahkamah Kadi" dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Perlis 1991 dalam proses pindaan ke arah memakai istilah "Mahkamah Rayuan Syariah", "Mahkamah Tinggi Syariah" dan "Mahkamah Rendah Syariah".

Setiap peringkat mahkamah-mahkamah tersebut mempunyai bidangkuasa masing-masing sepetimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991.

#### **1.4.1     Bidangkuasa Mahkamah Kadi**

Mahkamah Kadi mempunyai bidangkuasa seperti berikut :<sup>8</sup>

##### **(1)    Bidangkuasa Jenayah**

Di bawah bidangkuasa jenayah, Mahkamah Kadi mempunyai kuasa membicarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam yang boleh dihukum di bawah enakmen atau mana-mana undang-undang Islam Negeri. Hukuman maksima yang diperuntukkan oleh undang-undang tersebut ialah denda tidak lebih tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Ia juga boleh mengenakan apa-apa hukuman yang ditetapkan baginya atau membuat apa-apa perintah sepetimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

##### **(2)    Bidangkuasa Sivil**

Di bawah bidangkuasa sivil, Mahkamah Kadi berkuasa mendengar dan memutuskan segala perbicaraan, tindakan atau perkara mengikut kuasa yang diberikan oleh Mahkamah Kadi Besar untuk mendengar dan menentukan dalam mana amanun atau

---

<sup>8</sup> Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Perlis, Sek. 9.

nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.

#### **1.4.2     Bidangkuasa Mahkamah Kadi Besar**

Mahkamah Kadi Besar mempunyai bidangkuasa seperti berikut :<sup>9</sup>

##### **(1)     Bidangkuasa Jenayah**

Di bawah bidangkuasa jenayah, Mahkamah Kadi Besar boleh membicarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam yang boleh dihukum dibawah enakmen atau mana-mana undang-undang Islam Negeri. Ia boleh menjatuhkan hukuman atau membuat apa-apa keputusan atau perintah seperti yang diperuntukkan dibawah undang-undang tersebut.

##### **(2)     Bidangkuasa Sivil**

Di bawah bidangkuasa sivil, Mahkamah Kadi Besar boleh mendengar dan memutuskan segala perbicaraan, tindakan atau perkara dalam mana kesemua pihak-pihak yang berkenaan beragama Islam dan yang berkenaan dengan :

- (i)     pertunangan, pernikahan, perkahwinan (termasuk taat balik), perceraian, khuluk (tebus talak), fasakh, menentukan giliran, li'an, ilak (sumpah), perkahwinan yang tidak sah atau pemisahan yang dihukum

---

<sup>9</sup> Ibid, Sek. 8.

- oleh Mahkamah, atau mana-mana perkara yang berkaitan dengan perhubungan suami isteri;
- (ii) mana-mana penyelesaian, pembahagian atau tuntutan kepada mana-mana harta yang terbit dari mana-mana perkara (i).
  - (iii) nafkah orang-orang dalam tanggungan, pengesahan taraf kanak-kanak, penjagaan atau pemeliharaan kanak-kanak (hadanah).
  - (iv) pembahagian atau tuntutan kepada harta sepencarian.
  - (vi) wasiat-wasiat atau pemberian dari orang-orang yang beragama Islam pada ketika hendak mati.
  - (vii) wasiat, wakaf atau nazar.
  - (viii) pembahagian, pusakaan dan pentadbiran harta *testate* (harta alih) dan *intestate* (harta tak alih), dan
  - (ix) perkara-perkara yang mana bidangkuasanya telah ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

#### **1.4.3 Bidangkuasa Jawatankuasa Ulang Bicara**

Jawatankuasa Ulang Bicara mempunyai bidangkuasa seperti berikut:<sup>10</sup>

- (1) Untuk mendengar dan memutuskan mana-mana rayuan terhadap mana-mana keputusan atau perintah yang dibuat oleh Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi.
- (2) Jika didapati diperlukan untuk kepentingan keadilan, mendengar dan

---

<sup>10</sup> Ibid, Sek. 14.

memutuskan mana-mana rayuan terhadap mana-mana keputusan atau perintah yang telah dibuat dengan tidak sahnya di bawah mana-mana peruntukan undang-undang Islam negeri.

(3) Dalam sesuatu rayuan, Jawatankuasa Ulang Bicara boleh:<sup>11</sup>

(a) di dalam sesuatu perkara jenayah :

- (i) mengesah atau membatalkan sabitan.
- (ii) mengenepikan, mengurangkan, mengesan atau
- (iii) menambahkan hukuman
- (iv) menolak rayuan
- (v) memerintahkan perbicaraan semula diadakan samada di hadapan Kadi yang sama atau yang lain.

b) di dalam sesuatu perkara sivil :

- (i) mengesah, mengubah hukuman, perintah atau keputusan mahkamah perbicaraan.
- (ii) menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang dijalankan oleh mahkamah perbicaraan.
- (iii) membuat apa-apa perintah sebagaimana yang boleh dibuat oleh mahkamah perbicaraan.
- (iv) memerintahkan perbicaraan semula diadakan samada di hadapan Kadi yang sama atau yang lain.

---

<sup>11</sup> Ibid, Sek. 15.

## **1.5 Perkembangan Enakmen/Undang-Undang Yang Digunakan Di Mahkamah Syariah Negeri Perlis**

Sejak penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Perlis pada tahun 1340 hijrah, enakmen atau undang-undang yang digunakan ialah :

- (a) Undang-Undang Mahkamah Syariah Tahun 1340 H  
(Undang-Undang Perlis No. 15 Tahun 1340 H)
- (b) Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Tahun 1369 H (1949)  
(Undang-Undang Perlis No. 1 Tahun 1949)
- (c) Undang-Undang Ugama Islam (Pindaan) Tahun 1951  
(Undang-Undang Perlis No. 7 Tahun 1951)
- (d) Undang-Undang Peraturan Mahkamah Syariah Tahun 1959 (Undang-Undang Perlis No. 12 Tahun 1959)
- (e) Undang-Undang Syikak Tahun 1332 H  
(Undang-Undang Perlis No. 9 Tahun 1332 H)

Semua undang-undang tersebut telah dimansuhkan apabila diwujudkan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963 (Undang-Undang Bil. 3/1964).<sup>12</sup>

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963 (Undang-Undang Bil. 3/1964) telah digunakan oleh Mahkamah Syariah sehingga pada tahun 1991 apabila digubal dan diwartakan enakmen yang baru pula. Enakmen baru yang digubalkan itu ialah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991. Enakmen baru ini mula berkuatkuasa dan digunakan sepenuhnya oleh Mahkamah Syariah pada 03 Disember 1992 bagi menggantikan peruntukan di Bahagian III: Seksyen 9, keseluruhan Bahagian

---

<sup>12</sup> Jadual Ketiga (Fasal 136) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963.

IV dan Bahagian V: Seksyen 15 hingga Seksyen 24 di dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963 yang telah dimansuhkan.<sup>13</sup>

Sebelum itu pada 24 September 1992, Kerajaan Negeri telah mewartakan satu enakmen baru yang berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam. Enakmen tersebut ialah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991 (Enakmen Bil. 4/1992). Enakmen ini digubal bagi mengemaskinikan undang-undang keluarga Islam yang kurang lengkap di dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963. Dengan wujudnya enakmen keluarga Islam yang baru ini maka peruntukan Bahagian VIII, IX, Seksyen 116, 119 dan 120 dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963 dimansuhkan.<sup>14</sup>

Selepas itu beberapa enakmen yang baru turut digubal supaya selaras dan sesuai dengan kehendak semasa. Enakmen-enakmen yang telah digubal, diwarta dan dikuatkuasakan ialah :

- (a) Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991 (Enakmen Bil. 5/1993) - 20 Januari 1993
- (b) Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1991 (Enakmen Bil. 4/1993) - 18 Februari 1993
- (c) Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1993 (Enakmen Bil. 7/1993) - 18 Mac 1993
- (d) Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991 Kaedah-Kaedah Kos dan Fee Mahkamah Syariah 1994 - 30 Mac 1994
- (e) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Perlis 1991 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1995 - 06 Jun 1996

---

<sup>13</sup> Jadual Ketiga (Seksyen 45) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991.

<sup>14</sup> Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1963. Sek. 133

Bagi tujuan penyelarasan dalam penggunaan istilah-istilah di Mahkamah-Mahkamah Syariah, maka beberapa pindaan telah dibuat dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991. Enakmen bagi meminda Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 ini ialah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 (Pindaan 1996). Dengan pindaan ini maka istilah "Mahkamah Kadi", "Mahkamah Kadi Besar" dan "Jawatankuasa Ulang Bicara" akan ditukar kepada "Mahkamah Rendah Syariah", "Mahkamah Tinggi Syariah" dan "Mahkamah Rayuan Syariah". Begitu juga dengan istilah "Kadi Besar" dan "Kadi" akan digantikan dengan istilah "Ketua Hakim Syarie" dan "Hakim Mahkamah Tinggi Syariah". Selain itu beberapa istilah dan perkara lain turut akan dipinda dan ditambah di dalam enakmen tersebut. Draf cadangan pindaan tersebut telah siap dan masih lagi dalam proses tindakan Kerajaan Negeri.<sup>15</sup>

## 1.6 Kesimpulan

Daripada apa yang dijelaskan bahawa Mahkamah Syariah Negeri Perlis telah pun dipisahkan daripada pentadbiran JAIPs dan mempunyai pentadbiran yang tersendiri. Selain daripada itu, Negeri Perlis juga telah mengwujudkan tiga peringkat mahkamah sepetimana mahkamah-mahkamah syariah di negeri-negeri lain. Dari segi enakmen pula didapati beberapa enakmen telah diwujudkan, selaras dengan perkembangan mahkamah itu sendiri dan juga kehendak semasa.

---

<sup>15</sup> Temubual dengan Encik Abd. Rahim bin Mokhtar, Pembantu Tadbir (Am) Mahkamah Syariah Negeri Perlis pada 16 Jun 1998.